Utusan Malaysia

# Sabah diberi keutamaan terima vaksin dos tunggal CanSino




POPULAR


Semua pendudu dewasa Selangor KL terim 1 dos vaksin


Tiga wak pemban dijemput sertai Ma Pemulih Negara




HAJIJI Noor (tengah) mengadakan 'zoom meeting' bersama Khairy Jamaluddin di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah di Kota Kinabalu hari ini.-IHSAN Jabatan Ketua Menteri

Oleh SURAIDAH ROSLAN 23 Julai 2021, 4:20 pm

KOTA KINABALU: Sabah diberi keutamaan untuk menerima vaksin dos tunggal, CanSino yang dijangka tiba di Malaysia pada bulan hadapan.

Itu jaminan yang diberikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin kepada Ketua Menteri **Datuk Seri Hajiji Noor** dalam pertemuan secara maya hari ini.

Hajiji berkata, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) itu menyatakan akan membuat penghantaran pertama untuk Sabah apabila tiga juta vaksin CanSino itu tiba pada bulan hadapan.

Malah katanya, Sabah juga diberikan pilihan untuk menerima satu lagi vaksin dos tunggal iaitu Johnson & Johnson.

vaksin awal Og
26 Julai 2021, 12:26 pm

26 Julai 2021, pm


Bajet 2022 fokus sektor terjejas
26 Julai 2021, 12:17 pm


Negeri fasa kedua PPN tidak kembali ke fasa pertama
26 Julai 2021, 12:13 pm

30 doktor kontrak HSA sertai mogok aman

Dewan Rakyat: Darurat tidak akan disambung selepas 1 Ogos

Dewan Rakyat: Speaker tidak setuju hujahan pembangkang

Solskjaer mahu Martial tinggalkan Old Trafford

Khairy memaklumkan perkara itu sebagai maklum balas terhadap permintaan Sabah untuk mendapatkan lebih banyak bekalan vaksin.

Langkah penting bagi mencapai sasaran 60 peratus penduduk Sabah divaksin menjelang Oktober dan seterusnya mencapai imuniti kelompok pada akhir tahun ini.

"Penting bagi kita untuk terus menjangkau masyarakat di kawasan pedalaman dan pulau-pulau terpencil yang berdepan kesukaran kerana keadaan muka bumi yang agak sukar dan jauh," katanya

Tambah Hajiji, Sabah membuka sebanyak 177 pusat pemberian vaksin (PPV) dan dengan kemudahan bergerak jerayawara (mobile outreach) serta program vaksinasi medic tentera darat, negeri ini berada di landasan tepat untuk memastikan lebih ramai rakyat menerima vaksin.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, **Dr Rose Nani Mudin**, menjelaskan bahawa PPV Integrasi pertama Sabah akan bermula minggu hadapan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC).

PPV Integrasi akan memberi vaksin secara percuma dan membenarkan hospital swasta membantu untuk mempercepatkan proses vaksinasi sekali gus mengurangkan beban yang dihadapi hospital awam ketika ini.

Turut hadir dalam pertemuan maya itu ialah Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Seri Masidi Manjun, Menteri Pembangunan

PREMIUM
'Road to 20' sangat menakutkan'

Dewan Rakyat: Ahli Parlimen pembangkang 'lepas geram'

Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, Ir. Shahelmey Yahya dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Safar Untong.

Bersama Khairy ialah Penasihat Khas kepada Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam, Tan Sri Dr Jemilah Mahmood dan Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Mohammad Ab Rahman.- UTUSAN ONLINE



DR ROSE NANI MUDIN

## BERITA SELANJUTNYA

by

TMJ mahu lebih banyak PPV, pegawai perubat…

AD

Pelaburan Bitcoin RM1,000 Yang Memb…

“Ini perangai jijik dan memalukan” – Chef Wan

AD

Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin

MBJB nafi wujud pendaftaran vaksin…

Dilema kru & pekerja belakang tabir

Adik bongsu Ryan meninggal dunia,…

Suntik vaksin di pusat beli-belah

‘Sengaja nak bagi rakyat mengamuk ke?’ – Jan…

## BERITA BERKAITAN







### Semua penduduk dewasa Selangor, KL terima 1 dos vaksin awal Ogos

26 Julai 2021, 12:26 pm



### Tiga wakil pembangkang dijemput sertai Majlis Pemulihan Negara

26 Julai 2021, 12:19 pm




### Bajet 2022 fokus sektor terjejas

26 Julai 2021, 12:17 pm




### Negeri fasa kedua PPN tidak kembali ke fasa pertama

26 Julai 2021, 12:13 pm



TERKINI NASIONAL EKONOMI LUAR NEGARA GAYA SUKAN RENCANA PREMIUM

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat Hubungi Kami